

# Pembangunan modal insan perhotelan perlu dipertingkatkan

UB 10.10.2011 B5

Oleh CLARICE USOP

Kilalis\_87@yahoo.com.my

**KOTA KINABALU:** Pembangunan modal insan dalam bidang perhotelan perlu dipertingkatkan agar perkhidmatan berkualiti dan profesional dapat diberikan.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Salleh Tun Said Keruak menegaskan demikian ketika melancarkan Program Pelepasan Program Cabaran Kerjaya Kebangsaan Ke-5 bertema 'Memperkasakan Transformasi Mahasiswa Usahawan Pelancongan'

di salah sebuah hotel di ibu kota kelmarin.

"Semua anugerah alam ini harus dijana dengan baik oleh rakyat agar dimajukan untuk manfaat semua. Pembinaan hotel bertaraf lima bintang dan kemudahan penginapan bajet dapat memenuhi kehendak pelancong yang terdiri dari pelbagai kategori," katanya.

Beliau jugamengucapkan syabas kepada Jobmarket Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memilih negeri ini sebagai destinasi aktiviti peringkat kebangsaan pada tahun ini.

"Saya tertarik dengan usaha Jobmarket Malaysia dan UMS bersama menimba pegetahuan dan pengalaman dalam memberikan pendedahan kepada mahasiswa mentransformasikan sektor pelancongan," katanya.

Menurut Salleh, masyarakat memainkan peranan seperti melibatkan diri dalam program inap desa dan bersikap terbuka menerima kedatangan pelancong asing.

Berdasarkan perangkaan, Malaysia kini berada di tempat kesembilan dalam ranking dunia dan kedua di Asia Pasifik selepas

China. Sabah mencatatkan pertumbuhan dua angka ketibaan pelancong sebanyak 12 peratus.

"Menurut perangkaan, dari Januari hingga Julai lalu, sejumlah 1.42 juta pelancong melawat Sabah, 459,244 pelancong asing dan 963,902 tempatan," katanya sambil menambah, Sabah dianugerahi dengan keindahan alam yang dapat menarik tumpuan orang ramai.

Beliau berharap program itu mampu menggalakkan ramai siswazah memilih bidang keusahawanan pelancongan sebagai bidang kerjaya mereka.



PELEPASAN SISWAZAH ... Salleh (dua kanan) dan Pengerusi Basis Holding Sdn Bhd, Tan Sri Abu Hasan Omar.